

No. Soalan: 110  
PR-1352-T00683

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG  
NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**SOALAN : Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh  
[ Sandakan ] minta MENTERI LUAR  
NEGERI menyatakan bilangan rakyat  
Malaysia yang kini tinggal dan bekerja di  
luar negeri dengan pecahan negeri asal,  
kaum dan golongan umur.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sandakan atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman, jumlah rakyat Malaysia yang telah berdaftar dengan Perwakilan-Perwakilan Malaysia (yakni Kedutaan Besar / Suruhanjaya Tinggi / Konsulat Jeneral / Konsulat) di luar negeri adalah seramai 306,356 sehingga bulan Jun 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 78,093 warganegara Malaysia sedang bekerja di luar negeri.

3. Statistik yang telah diperolehi ini, walau bagaimanapun, tidak menggambarkan situasi sebenar demografi rakyat Malaysia di luar negeri, memandangkan masih ramai lagi rakyat Malaysia yang bermastautin di luar negara, yang belum berdaftar dengan pihak Perwakilan Malaysia di negara masing-masing di mana mereka sedang menetap. Butiran maklumat yang diperolehi melalui pendaftaran rakyat Malaysia seperti nombor pasport, butiran perhubungan dan waris di Malaysia adalah sebagai maklumat asas bagi melancarkan urusan bantuan konsular, khususnya ketika berlaku kecemasan.

4. Kementerian Luar Negeri sentiasa dan terus ingin menyeru rakyat Malaysia yang berada di luar negeri, terutamanya yang bermastautin tetap, agar mendaftarkan diri dan ahli keluarga dengan Perwakilan Malaysia yang terdekat, bagi memudahkan urusan bantuan konsular sekiranya diperlukan pada masa hadapan.